

19 JAN 2001

Putrajaya-Sambutan

ACARA MERIAH SEMPENA PERISYTIHARAN PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 19 Jan (Bernama) -- Pelbagai acara menarik akan dilangsungkan pada perayaan selama dua hari mulai 1 Feb sempena perisytiharan Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan.

Pengarah Perkhidmatan Korporat Perbadanan Putrajaya Sdn Bhd Shamsiah Jamaluddin hari ini berkata acara sambutan itu akan menyusuli majlis perisytiharan berkenaan di Dataran Perdana bermula pukul 8.30 pagi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menghadiri majlis tersebut.

"Aktiviti utama acara sambutan dijalankan di kawasan tasik dan Dataran Putra yang merupakan kawasan tarikan pelancong dan komponen utama dalam pembangunan Putrajaya," kata beliau pada persidangan media di sini.

Antara acara yang dijadualkan pada hari pertama di kawasan tasik ialah persembahan helikopter, lintas lalu peserta aktiviti tasik, acara menaikkan wau, pertunjukan kayak, bot naga dan perahu tradisional serta pertandingan mendayung sampan.

Mereka yang hadir pada majlis itu turut berpeluang melawat astaka pameran, pertunjukan dan pertandingan skate board, basikal BMX dan kasut bilah beroda sebelum acara berakhir pada 2.30 petang.

Keesokannya, Dr Mahathir dijangka merasmikan Taman Wetland Putrajaya pada pukul 8 pagi, yang juga mengambil kesempatan sempena Hari Wetland Sedunia yang disambut pada 2 Feb setiap tahun.

Sebanyak 500 pelajar sekolah menengah, institusi pengajian tinggi (IPT) dan persatuan belia sekitar kawasan ini dijangka menyertai acara "Wetland Discovery Hunt."

Acara pertandingan seni suara burung merbuk turut diadakan di taman itu yang merangkumi kawasan seluas 650 hektar termasuk 24 sel wetland dan sebuah tasik utama.

Selain itu, persembahan kebudayaan turut dijayakan oleh kumpulan kesenian Petronas, kumpulan kesenian India 'Temple of Fine Arts' dan kumpulan kesenian Cina Dama House pada sebelah malamnya disusuli dengan pertunjukan bunga api sebagai acara penamat.

Artis Siti Nurhaliza dan kumpulan nasyid terkenal Raihan juga dijangka memeriahkan suasana dengan menghidangkan beberapa lagu popular daripada album mereka.

Shamsiah berkata sebanyak 10,000 orang dijangka datang menyaksikan acara sambutan itu.

Tempat letak kereta juga disediakan manakala perkhidmatan bas dari luar akan turut disediakan bagi kemudahan orang ramai.

Sementara itu di KUALA LUMPUR, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengatur 15 acara bagi sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang ke-27 pada 1 Feb ini.

Timbalan Ketua Pengarah (Pentadbiran dan Perkhidmatan) DBKL Halijah Othman berkata antaranya ialah Larian Kuala Lumpur di Dataran Merdeka, KL International Tower Jump 2001, pertandingan memancing, kejohanan ragbi tujuh sebelah dan Ekspo dan Konvensyen KL 21: KL di Alaf Baru sempena hari Wilayah Persekutuan di Hotel Nikko Kuala Lumpur.

"Konvensyen yang dianjurkan bersama Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) itu dijangka membincangkan pembangunan serta cabaran yang akan dihadapi serta menjadikan Kuala Lumpur sebuah bandar raya bertaraf dunia dan pusat perdagangan dan kewangan serantau," katanya.

Halijah berkata DBKL memperuntukkan perbelanjaan sederhana kira-kira

RM800,000 untuk tujuan sambutan itu tahun ini.

-- BERNAMA

SHS AHH NMO